

Rujukan Kami : UniSZA.P/2/HRM/134-5(24)
Bertarikh : 30 April 2018
Bersamaan : 14 Syabaan 1439H

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab (KPTj)
Universiti Sultan Zainal Abidin

YBhg. Prof. Dato' / Prof. Datuk / Prof. / Prof. Madya / Dr. / Tuan / Puan,

**PEKELILING PENDAFTAR BIL. 1/2018
PELAKSANAAN KEBENARAN PULANG AWAL SATU JAM KEPADA WANITA
MENGANDUNG DI UniSZA**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 1/2018 yang bersidang pada 6 Mac 2018 telah meluluskan pelaksanaan kebenaran pulang awal satu jam daripada masa bekerja biasa bagi pegawai wanita mengandungi di UniSZA mulai 1 Januari 2018.

3. Untuk makluman YBhg. Prof. Dato' / Prof. Datuk / Prof. / Prof. Madya / Dr. / Tuan / Puan, bersama-sama ini disertakan pekeliling tersebut untuk rujukan dan hebahan kepada semua staf di Pusat Tanggungjawab masing-masing.

Sekian, semoga berada dalam perhatian YBhg. Prof. Dato' / Prof. Datuk / Prof. / Prof. Madya / Dr. / Tuan / Puan selanjutnya.

Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

'Ilmu dan Akhlak'

Saya yang menurut perintah,

ISMAIL BIN AHMAD
Pendaftar

THRE&Gim.



PEKELILING PENDAFTAR BIL. 1/2018

PELAKSANAAN KEBENARAN PULANG AWAL SATU JAM KEPADA PEGAWAI WANITA MENGANDUNG DI UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN

1.0 TUJUAN

Pekeliling Pendaftar ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua warga Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) berkenaan pelaksanaan kebenaran pulang awal satu jam kepada pegawai wanita mengandung di UniSZA.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Kerajaan telah bersetuju untuk memberi kemudahan kebenaran pulang awal satu jam kepada pegawai wanita yang mengandung lima bulan dan ke atas sebagaimana yang dinyatakan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2017.

2.2 Kemudahan ini juga dipanjangkan kepada suami yang merupakan pegawai Perkhidmatan Awam dan bekerja di lokasi yang berdekatan yang pulang bersama isterinya bagi membolehkan suami membantu isteri semasa dalam perjalanan.



- 2.3 Mesyuarat LPU Bil. 1/2018 bertarikh 6 Mac 2018 telah bersetuju menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2017 mengenai Pelaksanaan Kebenaran Pulang Awal Satu Jam Kepada Pegawai Wanita Mengandung.

3.0 PELAKSANAAN

3.1 Pelaksanaan Umum

Bil.	Perkara	Ulasan
1.	Peruntukkan kemudahan	<ul style="list-style-type: none">- Kepada semua pegawai Perkhidmatan Awam lantikan tetap dan kontrak (contract of service).- Pegawai wanita yang mengandung lima bulan dan ke atas.
2.	Tempoh masa	<ul style="list-style-type: none">- Bermula pada bila-bila masa iaitu apabila pegawai wanita mengandung lima bulan dan ke atas.- Tamat sehari selepas tarikh akhir yang diluluskan atau pada tarikh mulanya Cuti Bersalin (mengikut mana yang terdahulu).
3.	Penggunaan kemudahan	<ul style="list-style-type: none">- Berdasarkan permohonan pegawai dan kelulusan Ketua Jabatan.- Diisi sekali sahaja bagi setiap kehamilan.- Mengemukakan borang permohonan (rujuk lampiran) seminggu sebelum kemudahan ini hendak digunakan.



- 3.2 Kemudahan ini **dipanjangkan kepada pegawai lelaki** tertakluk kepada syarat berikut:
- i. **Pulang bersama-sama isteri** (pegawai Perkhidmatan Awam) yang mengandungi lima bulan dan ke atas.
 - ii. **Isteri telah diberi kelulusan** oleh Ketua Jabatan untuk menggunakan kemudahan ini.
 - iii. **Mengisi borang permohonan** (diisi sekali sahaja bagi setiap kehamilan isteri) dan **mengemukakan seminggu sebelum** kemudahan ini hendak digunakan.
- 3.3 **“lokasi yang berdekatan”** bermaksud tempat di mana suami dan isteri bekerja dalam satu bangunan atau satu kompleks atau kawasan; yang mana suami dan isteri tersebut menaiki kenderaan yang sama sepenuhnya/sebahagiannya untuk pulang dari tempat kerja dan berada dalam **mukim yang sama (kecuali suami isteri merupakan staf UniSZA)**.
- 3.4 Terpakai kepada semua kategori staf tertakluk kepada kelulusan Ketua Pusat Tanggungjawab.
- 3.5 Jumlah jam bekerja minimum seminggu bagi staf akademik yang **diluluskan kemudahan ini adalah 34 jam**.



- 3.6 Permohonan hanya boleh dibuat seminggu sebelum kandungan berusia 22 minggu atau seminggu sebelum menggunakan kemudahan ini.
- 3.7 Ketua Jabatan boleh menarik balik kemudahan ini atas kepentingan jabatan.
- 3.8 Pegawai yang menggunakan kemudahan kebenaran untuk meninggalkan pejabat bagi tempoh empat jam sebagaimana yang diperuntukkan dalam Surat Edaran JPA bertarikh 9 Disember 2009, dianggap telah menggunakan kemudahan ini bagi hari tersebut kerana pengiraan tempoh empat jam tersebut adalah termasuk tempoh penggunaan kemudahan ini.
- 3.9 Pada bulan Ramadan, pegawai boleh **dibenarkan memilih** untuk menggunakan kemudahan ini atau kemudahan WBB bulan Ramadan.
- 3.10 Pegawai yang memilih untuk menggunakan kemudahan ini **tidak dibenarkan menuntut bayaran lebih masa** bagi tujuan menyelesaikan tugas hakiki yang tertunggak kerana pulang lebih awal.
- 3.11 Borang permohonan Kebenaran Pulang Awal Satu Jam Kepada Wanita Mengandung di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) adalah sepertimana Lampiran A. Pemohon juga boleh memuat turun borang tersebut melalui Laman Web Pejabat Pendaftar <http://pendaftar.unisza.edu.my>.



4.0 TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling Pendaftar ini adalah berkuat kuasa mulai **1 Januari 2018**.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

‘Ilmu dan Akhlak’

Saya yang menurut perintah,

ISMAIL BIN AHMAD
Pendaftar

Bertarikh:

- s.k:
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
 - Bendahari
 - Penasihat Undang-Undang
 - Ketua Pustakawan
 - Pengarah Jabatan Pembangunan & Penyelenggaraan